

BANK ISLAM CATAT KEUNTUNGAN BERSIH RM254.2 JUTA BAGI ENAM BULAN PERTAMA 2026 (1H2026)

SOROTAN UTAMA

- Jumlah aset meningkat sebanyak 7.2% tahun ke tahun (Y-o-Y) kepada RM106.7 bilion pada akhir Jun 2026, didorong oleh pertumbuhan pembiayaan serta peningkatan pegangan sekuriti pelaburan.
- Pembiayaan kasar meningkat 7.5% Y-o-Y kepada RM77.9 bilion, disokong oleh pertumbuhan dalam Perbankan Runcit Kumpulan dan Perbankan Institusi Kumpulan.
- Deposit pelanggan dan akaun pelaburan meningkat 5.1% Y-o-Y kepada RM86.9 bilion, dengan nisbah Akaun Semasa, Simpanan dan Pelaburan Transaksi (CASATIA) berada pada 36.6%.
- Jumlah pendapatan bersih meningkat kepada RM1.43 bilion, didorong oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih kukuh serta peningkatan pendapatan fi dan komisen.
- Keuntungan bersih berjumlah RM254.2 juta, diterjemah kepada Pendapatan Sesaham (EPS) 11.21 sen dan Pulangan Bersih atas Ekuiti (ROE) tahunan sebanyak 6.3%.
- Nisbah pembiayaan terjejas kasar berada pada 0.98%, kekal di bawah purata industri.
- Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (CET1) dan Nisbah Modal Keseluruhan kekal kukuh, masing-masing pada 13.1% dan 17.8%.

KUALA LUMPUR, Rabu, 26 Ogos 2026: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mencatatkan Keuntungan Selepas Zakat dan Cukai (PAZT) sebanyak RM254.2 juta bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2026 (1H2026), meningkat RM1.2 juta atau 0.5% berbanding tempoh yang sama tahun lalu (1H2025). Prestasi ini disokong oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi serta pertumbuhan kukuh dalam pendapatan fi dan komisen. Sehubungan itu, Kumpulan merekodkan EPS sebanyak 11.21 sen dan ROE tahunan sebanyak 6.3%.

Jumlah pendapatan bersih naik sebanyak 5.1% Y-o-Y kepada RM1.43 bilion, sebahagian besar didorong oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi serta pendapatan fi dan komisen yang lebih kukuh, sebahagiannya diimbangi oleh keuntungan yang lebih rendah daripada penjualan sekuriti.

Jumlah perbelanjaan overhead meningkat 3.9% Y-o-Y kepada RM855.9 juta, mencerminkan pelaburan berterusan Kumpulan dalam pembangunan bakat, keupayaan digital dan infrastruktur teknologi bagi menambah baik pengalaman pelanggan, mengukuhkan kecekapan operasi serta menyokong daya tahan perniagaan.

Peruntukan bersih bagi pembiayaan terjejas dan pendahuluan meningkat sebanyak RM20.8 juta atau 17.0% Y-o-Y kepada RM143.0 juta. Kos kredit pembiayaan berada pada paras 0.38% sepanjang tempoh tersebut, mencerminkan pendekatan peruntukan awal yang berhemat dan proaktif di tengah-tengah pengembangan pembiayaan yang berterusan. Walaupun tahap peruntukan meningkat, kualiti aset kekal teguh dengan nisbah pembiayaan terjejas kasar mengukuh kepada 0.98% setakat akhir Jun 2026. Angka tersebut jauh lebih rendah berbanding purata industri sebanyak 1.43%.

Kos pembiayaan bagi sukuk subordinat dan sekuriti modal meningkat sebanyak RM16.8 juta atau 22.7% Y-o-Y, sebahagian besar berikutan penerbitan instrumen pembiayaan dan modal dalam tempoh setahun yang lalu untuk menyokong pertumbuhan perniagaan, mengukuhkan pengurusan kecairan dan mempelbagaikan sumber dana.

Setakat 30 Jun 2026, jumlah aset Kumpulan berkembang sebanyak 7.2% Y-o-Y kepada RM106.7 bilion, didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam aset pembiayaan dan sekuriti pelaburan. Aset bersih sesaham berada pada RM3.59. Pembiayaan kasar Kumpulan meningkat 7.5% Y-o-Y kepada RM77.9 bilion, mencerminkan permintaan pelanggan yang berterusan serta pertumbuhan merentasi segmen Perbankan Runcit dan Perbankan Institusi.

Deposit pelanggan dan akaun pelaburan meningkat sebanyak RM4.2 bilion atau 5.1% Y-o-Y kepada RM86.9 bilion, sekali gus menyediakan asas pembiayaan yang teguh untuk menyokong pertumbuhan pembiayaan. CASATIA turut meningkat 9.4% kepada RM31.8 bilion, memperlihatkan nisbah CASATIA yang sihat pada 36.6%.

Setakat akhir Jun 2026, Kumpulan terus mengekalkan kedudukan modal yang teguh, dengan nisbah CET1 dan Nisbah Modal Keseluruhan masing-masing sebanyak 13.1% dan 17.8%.

Memandang ke hadapan, Bank Islam akan terus memanfaatkan asas kukuh yang telah dibina dengan pendekatan yang berdisiplin dan berteraskan tujuan yang jelas untuk menjana pertumbuhan mampan serta mencipta nilai jangka panjang. Fokus strategiknya kekal jelas, iaitu menambah baik pengalaman pelanggan, mempercepatkan penggunaan digital dan memajukan keupayaan teknologi bagi memenuhi jangkaan pasaran yang sentiasa berubah. Bank Islam juga komited untuk menjadikan produk dan perkhidmatannya lebih lancar, intuitif dan mudah diakses, pada masa sama, terus berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Syariah yang menjadi teras tujuan dan identitinya.

Bagi merealisasikan aspirasi ini, Bank Islam akan melaksanakan enam Teras Strategik utama:

- Memperluas dan mempelbagaikan sumber pendapatan
- Menentukur semula struktur kos keseluruhan bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti.
- Merasionalisasikan fungsi sokongan dan fungsi pengurusan berhemat bagi meningkatkan keberkesanan organisasi.
- Membentuk semula struktur sumber bagi memperkukuh ketangkasan organisasi serta keupayaan pelaksanaan.
- Membangunkan Rangka Kerja Perbankan Teras lima tahun yang bersedia menghadapi masa hadapan. Ia merangkumi penggunaan teknologi awan (*cloud*) yang lebih meluas, platform digital yang dipertingkatkan serta kewujudan bersama infrastruktur berasaskan awan dan di premis.
- Menerapkan inisiatif penjajaran semula budaya dan pengurusan perubahan dengan memupuk budaya prestasi berasaskan merit yang menekankan penjanaan pendapatan, disiplin terhadap kos, penggunaan digital serta kesedaran keselamatan siber.

Raja Teh Maimunah, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, berkata, "Prestasi kukuh dan berdaya tahan Bank Islam mencerminkan kekuatan asas perniagaan serta komitmen warga kerja ketika kami terus mengemudi persekitaran operasi yang semakin dinamik. Walaupun pelbagai kemajuan telah dicapai, kami sedar bahawa pertumbuhan yang mampan memerlukan kami untuk

terus menilai dan menambah baik cara kami berkhidmat kepada pelanggan serta menjalankan perniagaan.”

“Pembaharuan strategik kami akan berpaksikan pemudahan proses, automasi dan pendigitalan. Kami sedang menilai semula cara kerja, model operasi dan struktur kos bagi menghapuskan kerumitan, meningkatkan keberkesanan pelaksanaan serta memberikan pengalaman pelanggan yang lebih pantas, lancar dan intuitif. Pada masa yang sama, kami akan terus melabur secara strategik dalam pembangunan bakat dan teknologi, mempercepatkan penggunaan digital serta membangunkan seni bina dan infrastruktur perbankan teras yang mampu memperkukuh ketangkasan dan daya tahan Kumpulan.”

Beliau turut menambah bahawa pembangunan bidang perniagaan baharu akan membolehkan Bank Islam memenuhi keperluan pelanggan yang lebih meluas, mempelbagaikan segmen perniagaan dan sumber pendapatan Kumpulan serta terus memperluas capaian dan meningkatkan kerelevanan penyelesaian kewangan Islam.

“Cita-cita kami adalah untuk menjadikan Bank Islam sebagai sebuah bank untuk semua rakyat Malaysia. Sebuah institusi kewangan Islam yang inklusif, mudah diakses dan peka terhadap keperluan individu, perniagaan serta komuniti di setiap peringkat perjalanan mereka. Akhirnya, kami berhasrat untuk mengembangkan Bank Islam menjadi sebuah organisasi yang diterajui teknologi dan menyediakan perkhidmatan perbankan sambil terus berpaksikan prinsip dan matlamat Syariah. Teknologi bukan sekadar pemangkin tetapi asas yang membolehkan kami memberikan pengalaman dan hasil yang lebih baik kepada pelanggan, meningkatkan produktiviti serta mencipta nilai mampan jangka panjang untuk semua pihak berkepentingan.”

Selaras dengan agenda transformasinya, Bank Islam terus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam perkhidmatan kewangan Islam menerusi pengenalan penyelesaian inovatif yang menerajui pasaran. Pada April 2026, Bank Islam mencatat satu lagi pencapaian penting apabila menjadi bank pertama di Malaysia yang memperkenalkan perkhidmatan penulisan wasiat secara digital melalui aplikasi perbankan BIMB Mobile. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan penawaran pengurusan kekayaan Bank Islam, malah turut meningkatkan akses serta memudahkan urusan pelanggan.

Bank Islam turut mempamerkan keupayaannya dalam pasaran modal Islam apabila memainkan peranan sebagai Penasihat Utama, Pengatur Utama dan Pengurus Utama bagi penerbitan sulung Sukuk *Wakalah* Ditrolic Energy Holdings Sdn Bhd yang bernilai RM150 juta. Transaksi tersebut mencerminkan kepakaran Kumpulan dalam menstruktur penyelesaian pembiayaan patuh Syariah serta komitmennya untuk menyokong pembangunan ekonomi yang mampan.

Bank Islam akan terus memperluas inisiatif pembiayaan lestari dan kewangan sosialnya, selaras dengan kepentingan strategik kedua-dua bidang ini dalam memacu pertumbuhan perniagaan sambil mewujudkan impak sosial yang bermakna. Sebagai sebuah institusi kewangan Islam, Bank Islam kekal komited untuk memajukan pembangunan yang inklusif dan mampan serta terus mencipta nilai bukan sahaja kepada para pemegang kepentingannya tetapi juga kepada komuniti yang disantuninya.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan berteraskan nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.